

AKTIVITI

4

Kerja kumpulan

Memanipulasikan Data

Berdasarkan Aktiviti 3, anda telah mencipta jadual-jadual yang berikut untuk Sistem Tempahan Bilik di sebuah hotel.

BILIK (NoBilik, Jenis, Harga)

TEMPAHAN (NoTetamu, TarikhMasuk, TarikhKeluar, NoBilik)

TETAMU (NoTetamu, Nama, Alamat, Pekerjaan)

Tulis arahan SQL untuk melakukan perkara yang berikut:

1 Masukkan maklumat bilik, tetamu dan tempahan yang dibuat oleh pelanggan.

i) BILIK

ii) TEMPAHAN

iii) TETAMU

2 Pihak hotel ingin menaikkan kadar harga setiap bilik sebanyak 10%. Kemaskinikan harga baharu setiap bilik itu.

3 Hapuskan maklumat pelanggan yang telah mendaftar masuk pada 1 November 2016.